

<b>Headline</b>	<b>Bekalan elektrik enam premis haram dipotong</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Berita Harian</b>		
<b>Date</b>	<b>19 Jul 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>82,252</b>	<b>Readership</b>	<b>246,756</b>
<b>Section</b>	<b>Nasional</b>	<b>Page No</b>	<b>24</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>126 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 6,397</b>		



# Bekalan elektrik enam premis haram dipotong

**Kuala Selangor:** Bekalan elektrik ke enam kilang haram memproses sisa plastik dipotong dalam satu operasi bersepadu di sekitar Ijok, Bestari Jaya dan Jeram semalam.

Penolong Pegawai Penguat Kuasa Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS), Lokman Ujang berkata, semua kilang itu pernah menerima beberapa notis penutupan sebelum ini.

“Operasi itu membabitkan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Jabatan Imigresen, polis, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

“Serbuan di sebuah kilang di Ijok juga mendapati ia menggajikan empat pekerja warga negara Bangladesh berusia lingkungan 25 hingga 46 tahun,” katanya pada sidang media selepas operasi tamat.

Beliau berkata, walaupun semua kilang itu sudah menerima notis, pemiliknya masih gagal mematuhi arahan terbabit dan tetap meneruskan operasi mereka.

“Hasil pemeriksaan mendapati sebahagian besar plastik kitar semula diletakkan di luar premis yang menimbulkan kacau ganggu selain keadaan persekitaran yang tercemar dengan bau busuk,” katanya.

Pada masa sama, Lokman berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas terhadap pemilik tanah persendirian yang menyewakan tapak mereka kepada pemilik kilang haram terbabit.

Sementara itu, serbuan di kawasan Zon Perindustrian Ijok, menemui premis kitar semula dipercayai tidak lagi beroperasi sejak sebulan lalu.

Bagaimanapun, pemeriksaan lanjut di premis seluas 1.12 hektar itu mendapati masih ada lagi plastik kitar semula serta mesin pemprosesan.